



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 11 DISEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	HARGA BERAS IMPORT RM3,200 SATU TAN, DALAM NEGERI, UM -34 POTENSI HASIL 53 JUTA KILOGRAM BERAS PUTIH TEMPATAN LENYAP, DALAM NEGERI, UM -4 BANJIR BERI IMPAK KEPADA BEKALAN BERAS TEMPATAN, NASIONAL, BH -19 5.3 MILLION RICE BAGS LOST, NATION, THE STAR -10	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
5. 6.	JABATAN PERTANIAN SEDIA LATIHAN TANAM BAWANG, NASIONAL, BH -29 BAWANG JERANTUT MAKIN POPULAR, LOKAL, HM -21	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
7.	RATUSAN TERNAKAN MATI, PENTERNAK RUGI LEBIH RM100,000, PASIR MAS, SH -26	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/12/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	34

Harga beras import RM3,200 satu tan

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
shofi.isa@mediamulia.com.my

MARAN: Persatuan Beras Bumi-putera Malaysia (Barim) mendakwa pemborong masih membeli beras putih import (BPI) pada harga tinggi iaitu RM3,200 satu tan metrik sedangkan ia sudah diturunkan bermula bulan ini.

Presiden Barim, Ismail Awang berkata, ia bertentangan dengan pengumuman Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu pada 29 November lalu bahawa BPI diturunkan daripada RM3,000 kepada RM2,800 per tan metrik berkuat kuasa 1 Disember lalu.

“Sehingga kini, Barim masih menerima aduan dan rungutan harga BPI tidak seperti dinyata-

kan, sebaliknya dijual RM3,200 satu tan metrik tan.

“Timbul persoalan apakah wujud pelanggaran arahan oleh pihak berkenaan apabila harga BPI bukan seperti diumumkan kerajaan sebaliknya lebih mahal daripada ditetapkan.

“Segala bukti pembelian dan invois sudah pun dikemukakan kepada pihak berkenaan malah Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan pun tahu tentang perkara itu, namun ia seolah-olah tiada penyelesaian sehingga kini,” dakwanya kepada *Utusan Malaysia*.

Mac lalu, Mohamad mengumumkan pelaksanaan BPI daripada RM3,200 kepada RM3,000 per tan metrik untuk memastikan berlakunya penurunan har-

ga jualan makanan rugi tersebut di antara RM2 hingga RM3 bagi setiap kampak 10 kilogram di peringkat runcit.

Pada 29 November lalu, Mohamad sekali lagi mengumumkan harga BPI diturunkan daripada RM3,000 kepada RM2,800 per tan metrik berkuat kuasa 1 Disember lepas.

Penurunan harga itu dikatakan selari dengan penurunan harga semasa pasaran beras dunia serta pengukuhan nilai tukaran Ringgit Malaysia berbanding Dolar Amerika Syarikat.

Ismail mendakwa, bagi pihak pemborong, mereka terpaksa membuat pembelian walaupun BPI dijual pada harga RM3,200 satu tan metrik demi memenuhi permintaan pelanggan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/12/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	4

Potensi hasil 53 juta kilogram beras putih tempatan lenyap

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
dan **HAFIZ SAIDINA**
utusannews@mediamulla.com.my

KUALA LUMPUR: Negara kehilangan potensi hasil 5.3 juta pek beras putih tempatan (BPT) akibat bencana banjir yang melanda beberapa negeri pada hujung November lalu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, keadaan itu jangka memberi impak serius kepada bekalan makanan, kestabilan harga dan ketersediaan makanan itu di pasaran.

"Tahun ini bencana sangat luar biasa dan ia memang ada

membawa kesan kepada bekalan BPT dalam negara kita.

"Setakat ini, kita kehilangan 5.3 juta pek 10kg kampil beras dalam pasaran, ia lenyap begitu sahaja akibat banjir yang melanda negara kita," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tabahan Datuk Che Mohamad Zulkifly Jusoh (PN-Besut) mengenai keberkesanan inisiatif dilaksanakan KPKM bagi menangani isu kekurangan bekalan BPT.

Sementara itu, Arthur berkata, KPKM menyediakan Tabung Bencana Tanaman Padi untuk memberikan bantuan kepada pesawah bagi mengurangkan

kerugian dialami mereka susulan kejadian banjir.

Kata beliau, peruntukan RM30 juta disediakan KPKM bagi tujuan bantuan pembaikan infrastruktur musnah akibat banjir tahun ini.

"Pesawah layak menerima bantuan RM1,800 per hektar untuk maksimum tiga hektar, bergantung keluasan yang musnah.

"Selain itu, kaedah baharu iaitu Agrobank Skim Takaful Tanaman Padi dengan pesawah boleh mohon bantuan sehingga RM3,000 per musim, juga sudah dilancarkan Oktober lalu," katanya.

Mengenai usaha menangani isu kekurangan bekalan BPT,

Arthur berkata, Kementerian sudah menambah empat langkah reformasi institusi dan industri padi beras sebagai fokus utama, sekali gus melipatgandakan program Gelombang Padi, berkuat kuasa 1 Januari depan.

Ia membabitkan pemisahan kuasa dan fungsi institusi pengurusan industri padi beras serta pengenalan peraturan larangan pencampuran BPT dan beras putih import, selain memperkukuh kawal selia pengeluaran serta memantapkan tadbir urus Pertubuhan Peladang Kebangsaan (PPK) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).



Banjir yang melanda negara memberi kesan besar kepada penghasilan beras tempatan.

(Foto fail NSTP)

Banjir beri impak kepada bekalan beras tempatan

KPKM akui negara kehilangan 5.3 juta pek 10kg kampil beras begitu saja

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim, Saadiah Ismail dan Amir Hamzah Nordin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengakui banjir yang melanda beberapa negeri mengakibatkan negara berdepan kesan besar terutama dengan kehilangan potensi hasil membabitkan penghasilan beras.

Timbalan Menteri, Datuk Arthur Joseph Kurup, berkata berdasarkan statistik kementerian, negara direkodkan kehilangan potensi hasil 5.3 juta pek beras 10 kilogram (kg), setakat ini.

Beliau berkata, keadaan itu sekali gus memberi impak kepada bekalan beras putih tempatan.

"Perlu diambil maklum, tahun ini bencana sangat luar biasa dan ia memang ada membawa kesan kepada bekalan beras putih tempatan dalam negara kita.

"Setakat ini, kita kehilangan 5.3 juta pek 10kg kampil beras dalam pasaran... lenyap begitu sahaja akibat banjir yang melanda negara kita," katanya pada sesi pertanyaan lisan di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Datuk Che Mohamad Zulkifly Jusoh (PN-Besut) mengenai keberkesanan inisiatif dilaksanakan KPKM bagi menangani isu kekurangan bekalan BPT.

Sementara itu, Arthur berkata, KPKM menyediakan Tabung Bencana Tanaman Padi untuk memberikan bantuan kepada pesawah bagi mengurangkan kerugian dalam mereka susulan kejadian banjir.

Katanya, peruntukan RM30 juta disediakan KPKM bagi tujuan bantuan pembaikan infrastruktur musnah akibat banjir, tahun ini.

"Pesawah layak menerima bantuan RM1,800 per hektar untuk maksimum tiga hektar, bergantung keluasan yang musnah.

"Selain itu, kaedah baharu iaitu Agrobank Skim Takaful Tanaman Padi dengan pesawah boleh mohon bantuan sehingga RM3,000 per musim, juga sudah dilancarkan Oktober lalu," katanya.

Mengenai usaha menangani isu kekurangan bekalan BPT, Arthur berkata kementerian sudah menambah empat langkah reformasi institusi dan industri padi beras sebagai fokus utama, sekali gus melipatandakan program

Gelombang Padi, berkuat kuasa 1 Januari depan.

Ia membabitkan pemisahan kuasa dan fungsi institusi pengurusan industri padi beras serta pengenalan peraturan larangan percampuran BPT dan beras putih import, selain memperkukuh kawal selia penguatkuasaan serta memantapkan tadbir urus Pertubuhan Peladang Kebangsaan (PPK) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata kementerian mengesan enam jenis penyakit bawaan air dihidapi oleh mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS) yang aktif, setakat kelmarin di seluruh negara.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata seramai 7,853 daripada 34,503 mangsa banjir disahkan menghidap penyakit berkenaan oleh pasukan kesihatan yang ditempatkan di setiap PPS.

Katanya, sebanyak 7,304 mangsa banjir disahkan menghidap jangkitan pernafasan akut, gastroenteritis akut (3,170), radang mata (197), cacar air (20), penyakit tangan, kaki dan mulut (13) dan COVID-19 (dua).

"Bagi pesakit COVID-19, KKM mempunyai garis panduan untuk menanganinya daripada merebak dan kami sudah mengasing-



Antara dua bot yang tenggelam bersama enjin dalam kejadian kepala air di Sungai Tembeling berdekatan Kuala Tahan, Jerantut.

(Foto ihsan PGPBTN Kuala Tahan)*

kannya," katanya.

Enam bot tenggelam

Di Jerantut, kejadian kepala air yang membawa arus sangat deras menenggelamkan enam bot milik ahli Persatuan Gabungan Perkhidmatan Bot Taman Negara (GPBTN) Kuala Tahan, di sini, jam 9 malam kelmarin.

Lima bot bersama dengan enjinnya dan sebuah tanpa enjin itu tenggelam sekeli mata itu adalah bot sering digunakan untuk menjalankan perkhidmatan bot penambang dan nelayan sungai.

Ahli PGPBTN, Ismaiza Zawawi, berkata dia dimaklumkan kejadian itu oleh rakannya memberitahu perahu diguna untuk menangkap ikan sudah tenggelam akibat arus kepala air berikutan kenaikan paras Sungai Tembeling.

"Saya terus bergegas ke sungai untuk melihat tempat perahu yang saya tambat, tetapi mendapati perahu itu tenggelam bersama enjin dan peralatan menangkap ikan," katanya.

Penduduk Kuala Tahan, Zaimi Hasan berkata, dipercayai kepala air berlaku disebabkan hujan berterusan kira-kira 24 jam di kawasan ulu sungai.

"Pertembungan air sungai Tembeling dan Sungai Sepial menyebabkan paras air Sungai Tembeling yang melalui Kuala Tahan turut meningkat dan membawa arus deras," katanya.

Di Pasir Mas, lebih 50 penduduk membabitkan tiga kampung

di Mukim Teresek, di sini berputih mata dan mengalami kerugian hampir RM100,000 selepas lebih 700 ekor binatang ternakan terutama lembu dan kambing mereka mati ketika gelombang banjir pertama, baru-baru ini.

Ia membabitkan lebih 300 ekor lembu, 200 ekor kambing dan selebihnya adalah itik.

Penduduk mendakwa, keseluruhan kampung berkenaan ditenggelami air dan tiada tempat selamat menyebabkan binatang ternakan mereka gagal diselamatkan.

Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) Mukim Teresek, Norisham Mustafa, berkata banjir baru-baru ini menenggelamkan ketiga-tiga kampung iaitu Kampung Serongga, Kampung Teresek dan Seberang Merbau.

Katanya, paras air mencocah lebih dua meter dan hampir keseluruhan kampung hanya nampak bumbung bagi yang dua tingkat manakala bagi yang setingkat terus tenggelam.

"Disebabkan banjir teruk itu menyebabkan ratusan binatang ternakan tidak dapat diselamatkan dan mati akibat banjir.

"Ratusan lembu, kambing dan itik tidak dapat diletakkan di tempat tinggi memandangkan seluruh kawasan ini tenggelam terus.

"Susulan itu, penduduk berputih mata dan kerugian hampir RM100,000," katanya ketika ditemui di Kampung Serongga, di sini, semalam.

5.3 million rice bags lost

Kurup: Losses have significantly impacted country's rice supply

THE potential output of 5.3 million 10kg bags of rice were lost due to the ongoing floods, the Dewan Rakyat was told.

Deputy Agriculture and Food Security Minister Datuk Arthur Joseph Kurup said the losses have significantly impacted the country's rice supply.

"This year's floods are exceptionally severe. Up to this point, we have lost 5.3 million 10kg bags of rice due to the floods," he said to a question from Datuk Che Mohamad Zulkifly Jusoh (PN-Besut).

Che Mohamad Zulkifly had asked on the effectiveness of initiatives carried out by the Agriculture and Food Security Ministry in addressing the shortage of white rice supplies.

Arthur further said the ministry has set up the Padi Crop Disaster Fund to provide support to farmers in mitigating their flood-related losses.

"Farmers are eligible for assistance of RM1,800 per hectare for up to three hectares depending on the extent of damage incurred.

"This is in addition to a new



Water damage: The wet weather has wreaked havoc on padi fields, causing millions in losses.
— Bernama

scheme launched in October, the Agrobank's Padi Crop takaful scheme, which allows farmers to apply for aid up to RM3,000 per season," he said.

This year, the ministry has allocated RM30mil for repairs of infrastructure damaged by the floods.

To address the shortage of white rice, Arthur said the ministry has introduced four institutional and industry reform measures and strengthened the Gelombang Padi programme.

This includes separating the powers and functions of padi

management institutions, banning the mixing of white rice and imported rice as well as enhancing enforcement regulations, among others.

All these measures will come into effect on Jan 1 next year, he said.

Jabatan Pertanian sedia latihan tanam bawang

Jerantut: Jabatan Pertanian Pahang akan membuka permohonan untuk pihak yang berminat mengusahakan tanaman bawang merah berskala besar menerusi bimbingan agensi itu, bermula minggu depan.

Pengarah Jabatan Pertanian Pahang, Muhd Rizal Baharom, berkata selepas selesai pemilihan, awal tahun depan, pihaknya akan menyediakan latihan dan pendedahan mengenai tanaman berkenaan dalam usaha menambatkan kemahiran pekebun.

Katanya, jabatan hanya memerlukan peserta yang benar-benar berminat untuk mengusahakan tanaman bawang, bagi memastikan projek julung kali diusahakan itu berakhir dengan kejayaan.

Bagi fasa pertama, katanya, jabatan menyasarkan 20 individu terbabit dengan projek tanaman bawang dengan keluasan lebih 20 hektar untuk menjadikan Jerantut sebagai hab pengeluaran utama bawang di negeri ini.

"Jabatan Pertanian Pahang menjadikan daerah Jerantut sebagai hab tanaman bawang merah dengan tumpuan pada pengeluaran berskala besar yang mampu mengeluarkan hasil sepanjang tahun.

"Individu di daerah lain turut

diberi peluang menyertai projek tanaman bawang sekiranya mereka benar-benar berminat. Mereka yang berminat boleh merujuk Facebook jabatan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat projek tanaman bawang merah yang diusahakan sepasang suami isteri, Azhar Arshad dan Haslina Hassan seluas dua hektar di Kampung Pasir Sia, Tembeling Tengah, Jerantut.

Muhd Rizal berkata, projek perintis tanaman bawang itu terbukti berjaya, pengusahanya sangat komited dan sedia bersama membantu jabatan untuk menjayakan projek pengeluaran bawang di negeri ini.

Katanya, jabatan memberi jaminan insentif disediakan kepada peserta selepas mereka menyertai kursus jangka pendek penanaman bawang.

"Dalam sektor agropelancongan kawasan tanaman bawang dibuka kepada orang awam atau pelancong yang ingin melihat sendiri ladang bawang sambil berpeluang membeli bawang tempatan keluaran Jerantut.

"Kita merancang untuk mengadakan pelbagai aktiviti membabitkan bawang yang akan melengkapkan Jerantut sebagai hab bawang di negeri ini," katanya.



Muhd Rizal (kanan) ketika melawat kebun bawang merah di Kampung Pasir Sia, Tembeling Tengah, Jerantut.

(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

PROJEK PERINTIS BUAH HASIL

Bawang Jerantut makin popular

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

Jerantut

Petani yang berminat mengusahakan projek tanaman bawang merah skala besar di-alukan memohon ke-pada Jabatan Pertanian Pahang bagi mendapatkan bimbingan agensi berkenaan bermula minggu depan.

Pengarah Jabatan Pertanian Pahang, Muhd Rizal Baharom berkata, pihaknya akan menyediakan latihan serta pendedahan terhadap tanaman berkenaan dalam usaha menambahkan lagi kemahiran dalam kalangan petani.

Menurutnya, jabatan ha-nya memerlukan peserta yang benar-benar berminat untuk mengusahakan tanaman bawang.

"Ia bagi memastikan projek julung kali diusahakan itu berakhir dengan kejayaan. Pada fasa pertama, jabatan menyasar 20 individu terabit dengan projek tanaman bawang dengan keluasan lebih 20 hektar.

"Ini akan menjadikan Jerantut sebagai hab pengeluaran utama bawang di negeri ini selain mampu mengeluarkan hasil sepanjang tahun.

"Individu di daerah lain turut diberi peluang menyertai projek tanaman bawang sekiranya mereka bernar-benar berminat. Mereka boleh merujuk laman

Facebook jabatan kami," merah yang diusahakan se-pasang suami isteri, Azhar Arshad dan Haslina Hassan

seluas dua hektar di Kam-pung Pasir Sia, Tembeling Tengah, Jerantut.

Muhd Rizal projek perintis tanaman bawang itu terbukti berjaya

MUHD RIZAL (kanan) ketika melawat kebun bawang merah di Kampung Pasir Sia, Tembeling Tengah, Jerantut. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT



berikutan pengusahanya amat komited.

"Jabatan memberi jami-nan menyediakan insentif pada peserta selepas me-reka menyertai kursus jang-ka pendek penanaman ba-wang. Pengetahuan amat penting dalam memastikan projek tanaman bawang menemui kejayaan.

"Dalam sektor agrope-lanangan, kawasan tana-man bawang dibuka ke-pada orang awam atau pe-lancong yang ingin melihat sendiri ladang bawang sambil berpeluang membe-li bawang tempatan kelu-aran Jerantut.

"Kami merancang untuk mengadakan pelbagai ak-tiviti membabitkan ba-wang yang akan meleng-kapkan Jerantut sebagai hub bawang di negeri ini," katanya.

"Jabatan memberi jaminan menyediakan insentif pada peserta selepas mereka menyertai kursus jangka pendek penanaman bawang. Pengetahuan amat penting dalam memastikan projek tanaman bawang menemui kejayaan"

Muhd Rizal

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/12/2024	SINAR HARIAN	PASIR MAS	26

Ratusan ternakan mati, penternak rugi lebih RM100,000

PASIR MAS - Sebanyak 300 ekor lembu dan ratusan kambing, itik serta ayam mati akibat bencana banjir gelombang pertama di tiga kampung di sini selepas gagal diselamatkan ekor-an paras air yang naik terlalu cepat.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan Serogga, Norhisyam Mustafa berkata, pada 29 November lalu air dari Sungai Lubok Jong telah melimpah ke dalam kampung sehingga menenggelamkan semua rumah penduduk.

"Tiada kawasan tinggi di sini yang selamat untuk didiami oleh haiwan ternakan terutama lembu dan kambing.

"Ia menyebabkan haiwan tersebut gagal diselamatkan. Ada yang dihanyutkan banjir dan lemas," katanya kepada pemberita pada Selasa.

Norhisyam berkata, anggaran kerugian dialami lebih RM100,000 dan sehingga kini jumlah sebenar masih belum dimuktamadkan.

Menurutnya, ia baru gelombang pertama dan kini penduduk berdebar menanti gelombang kedua serta ketiga.

Tambahnya lagi, banjir kali ini adalah yang terburuk selepas hampir empat tahun kampung tersebut dinaiki air ekor-an projek pembinaan tebatan banjir yang sedang dijalankan.



NORHISYAM